

## TARIAN ETNIK TIDONG

### Tarian Piring



Tarian ini ditarikan dengan mengikut rentak gong. Tarian ini ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Piring digunakan sebagai alat dalam tarian tersebut. Jumlah piring ialah 24 buah. Persembahan itu ditarikan

dengan cara melengkokkan badan dan pergerakan tangan digerakkan secara lemah gemalai.

Selepas itu, piring akan disusun secara bulatan atau segi empat pada bahagian lantai dan seterusnya piring itu dipijak oleh penari sambil menari.

Biasanya penari berjumlah empat orang dan enam orang. Alat muzik tarian ini ialah



agung (gong), kulintangan, rebana, tarbangan, dan katipung. Nama muzik yang dimainkan disebut sebagai rentak raja berangkat.

## Tarian Rambai

Tarian ini ditarikan dengan mengikut rentak gong. Tarian ini ditarikan secara berpasangan oleh penari lelaki dan penari perempuan. Jumlah penari ialah empat orang, dua orang penari lelaki



dan dua orang penari perempuan. Alat muzik yang digunakan ialah agung (dua buah gong) dan kulintangan.

Semasa tarian ini dimulakan, penari akan menyebut selamat datang kepada para penonton atau kepada tetamu kenamaan

yang hadir. Pakaian penari diperbuat daripada kain setin. Baju yang dipakai biasanya berwarna kuning manakala kain yang dipakai berwarna hitam.

Tarian ini ditarikan secara bulatan atau lingkungan.

Tangan yang digerakkan adalah secara lemah

gemalai atau lebih dikenali sebagai menggalai (bailok). Tarian ini diakhiri dengan "langkah sembah" oleh penari sambil mengangkat tangan dan tunduk hormat.

